

# Pendakwah muda dinasihati amal prinsip tabayyun

**NILAI** – Pendakwah muda di negara ini dinasihati supaya tidak terlalu bergantung dengan maklumat di laman sosial semata-mata, sebaliknya sentiasa mengamalkan prinsip tabayyun.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Biro Agama), Senator Datuk Dr Asyraf Wajdi Datuk Dusuki berkata, bukan sahaja kepada pendakwah muda sebaiknya kepada semua masyarakat digalakkan mengamalkan prinsip tersebut.

Katanya, tabayyun ialah prinsip dan akhlak orang beriman yang merujuk kepada amalan meneliti dan menyelidik sesuatu berita, tidak tergesa-gesa dalam membuat kesimpulan, sebelum dipastikan kesahihan berita tersebut.

“Seorang pendakwah mestilah mencerminkan ciri-ciri pendakwah dalam dirinya, dengan tidak hanya bergantung maklumat di laman dan media sosial sahaja, sebaliknya mereka harus berpegang kepada prinsip al Quran dan al sunnah, serta mengamalkan prinsip tabayyun.

“Jangan sewenang-wenangnya sebarkan maklumat tanpa mendapatkan kepastian, kesahihan dan ke-

tulenan berita itu, sebaiknya selidik maklumat itu dengan sempurna sebelum kita membuat sebarang kesimpulan serta tindakan yang boleh mendatangkan kemudaratan lain,

“Kegagalan kita mengamalkan tabayyun akan mendatangkan musibah kepada diri dan masyarakat, sehingga boleh membawa kepada penyesalan diri yang teramat di dunia dan akhirat,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Perasmian Penutup Ihtifal Institut Pengajian Tinggi ASEAN 2015, dan Konvensyen Pendakwah Muda Peringkat Antarabangsa di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) di sini, semalam.



Wakil mahasiswa yang menyerahkan resolusi kepada Datuk Dr Asyraf.